

PROSPEK PEMANTAPAN EKONOMI DAN PENSTRUKTURAN GUNA TENAGA DI MALAYSIA PASCA COVID-19: SATU PENILAIAN



Oleh:

Prof. Emeritus Tan Sri Anuwar Ali

Siri Syarahan Felo Kehormat Akademi Profesor Malaysia (APM)

23 Februari 2022 (Rabu)


Isi Kandungan

- 01 COVID-19 dan Kesan Ke Atas Ekonomi**
- 02 Pergantungan Kepada Pekerja Bukan Warganegara**
- 03 Dasar-Dasar/ Strategi Utama Kerajaan Pra COVID-19**
- 04 Dasar/ Strategi Semasa Untuk Mengurangkan Kesan Negatif COVID-19**
- 05 Hala Tuju Pasca COVID-19: Memperkukuhkan Keupayaan Ekonomi dan Penyerapan Buruh**
- 06 Kesimpulan**



COVID-19 dan Kesan Ke Atas Ekonomi

1. Kemuncupan dan gangguan ke atas ekonomi (merupakan satu fenomena yang luar biasa, kesan yang ketara ke atas ekonomi negara dan juga guna tenaga).
2. Ciptaan pekerjaan di peringkat rendah; penyerapan pekerja yang berkemahiran tinggi termasuk graduan juga perlahan.
3. Pergantungan kepada pekerja asing terutama di sektor perladangan dan pembinaan.




Rajah 1: Penganggur dan Kadar Pengangguran Keseluruhan, Suku Tahunan (ST)1 2019 - ST3 2021

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, ST3 2021, DOSM

- Guna tenaga: Kadar pengangguran adalah sekitar tiga peratus sebelum COVID-19 iaitu kadar yang diterima dalam sesebuah ekonomi.
- Jumlah bilangan penganggur dan kadar pengangguran **tertinggi** pada Suku Kedua 2020 (791.8 ribu orang; 5.1%).
- Jumlah bilangan penganggur dan kadar pengangguran **terkini** pada Suku Ketiga 2021 (746.2 ribu orang; 4.7%).
- Kadar pengangguran di kalangan belia (15 hingga 24 tahun) meningkat sekitar 11.0% hingga 12.6% semasa COVID-19.
- Walaupun negara mencapai guna tenaga penuh, kadar pengangguran belia ini dianggap tinggi secara relatif.
- Kadar ini menjadi lebih teruk selepas pandemik COVID-19.

Pergantungan Kepada Pekerja Bukan Warganegara

Penduduk Bekerja Mengikut Warganegara dan Industri, Malaysia, 2020



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, 2020, DOSM

- Sektor-sektor PBW dominan: Bilangan peratusan mencerminkan PBW dan PW (Tidak termasuk sektor yang sedikit PBW)
 - Pertanian, perhutanan dan perikanan: PBW (24.0%); PW (8.3%)
 - Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman: PBW (14.1%); PW (9.7%)
 - Pembinaan: PBW(10.2%); PW (7.5%)
 - Pembuatan: PBW (18.7%); PW (16.4%)
 - Aktiviti isi rumah sebagai majikan*: PBW (2.4%); PW (0.1%)


***Nota: Antara contoh pekerja domestik seperti pembantu rumah, pemandu peribadi, tukang kebun, tukang masak, atau mana-mana orang yang diambil berkerja berkaitan rumah kediaman persendirian.**

- Jumlah pekerja pada tahun 2020: 15 juta orang
 - Pekerja Warganegara (PW): 12.9 juta orang; 86%
 - Pekerja Bukan Warganegara (PBW): 2.1 juta orang; 14% (Termasuk Pendatang Asing Tanpa Izin, PATI)

- Kesselesaian majikan untuk mengurus pekerja asing.
- Matlamat utama dasar gaji minimum bagi mengurangkan bilangan pekerja asing tidak tercapai semenjak Perintah Gaji Minimum (PGM) pertama, PGM 2012.
- Bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, satu dasar khusus akan digubal bagi memastikan mereka meninggalkan negara ini selepas tempoh tertentu. Majikan perlu mematuhi dasar ini melalui akujanji yang menjadi prasyarat untuk kelulusan permit kerja (Laporan Rancangan Malaysia Kedua Belas, RMKe-12)

Dasar-Dasar/ Strategi Utama Kerajaan Pra COVID-19

- Keseluruhannya, matlamat Wawasan 2020 untuk mencapai status Negara Maju dan Berpendapatan Tinggi dengan meningkatkan pendapatan per kapita tahunan kepada AS\$15,000 tidak tercapai disebabkan oleh pelbagai isu, termasuk pelaksanaan projek pembangunan yang perlahan dan sasaran kadar pertumbuhan ekonomi juga tidak tercapai.
- Jurang pendapatan yang masih lebar dan bertambah: Wujud perbezaan pendapatan antara kumpulan isi rumah B40 dan kumpulan teratas (T20).
- Nilai pekali Gini (mengukur jurang ketaksamarataan pendapatan isi rumah) nasional menunjukkan penurunan dari tahun 2009 (0.441) hingga 2016 (0.399), kemudian meningkat pada tahun 2019 (0.407) hingga 2020 (0.411).
- Sasaran purata pendapatan bulanan isi rumah ialah RM10,065 pada tahun 2025 (Laporan RMKe-12) (Purata pendapatan bulanan isi rumah pada tahun 2020: RM7,089)
- Tidak kurang daripada RM5,800 sebulan bagi isi rumah B40 pada tahun 2030 (Laporan WKB 2030) (Purata pendapatan bulanan isi rumah B40 pada tahun 2020: RM4,850)



Profil kemiskinan tegar:

- **Miskin tegar** merujuk kepada isi rumah berpendapatan kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Makanan, RM1,169 – Melibatkan 27,158 isi rumah

Dasar-Dasar/ Strategi Utama Kerajaan Pra COVID-19

- Struktur ekonomi setakat ini mencerminkan pelbagai kekangan yang perlu dikemas kini untuk negara menjadi lebih cergas di tahun-tahun akan datang. Cabaran terpenting adalah untuk mengkaji semula fokus strategi-strategi ke arah penyelesaian isu-isu di bawah:
 - i. Peminggiran golongan/ kumpulan yang ketinggalan dalam proses pembangunan ekonomi. Contoh: Matlamat pertama Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan isu gaji minima.
 - ii. Pelbagai Rancangan Lima Tahun dilaksanakan; termasuk juga Pelan Induk Perindustrian; Pelan Pembangunan Teknologi; TETAPI struktur ekonomi masih belum melonjak ke arah industri yang dinamik dan berteknologi tinggi.
 - iii. Eksport masih menjurus kepada barang-barang elektrik dan elektronik; pengeluaran minyak kelapa sawit; getah; petroleum dan gas.
 - iv. Kelemahan industri berat dan pembentukan rantai industri yang masih lemah. Contoh: Industri pembuatan besi dan keluli, perkapalan, kimia dan mesin.
- Perintah Gaji Minimum (PGM):

Bil.	PGM	Kadar ditetapkan oleh Kerajaan (RM)
1.	2012	Semenanjung: 900
		Sabah & WP Labuan dan Sarawak: 800
2.	2016	Semenanjung: 1,000
		Sabah & WP Labuan dan Sarawak: 920
3.	2018	Seluruh Malaysia: 1,100
4.	2020 (Terkini)	Kawasan pentadbiran 56 Majlis Bandaraya & Majlis Perbandaran: 1,200
		Bagi kawasan selainnya: 1,100

Dasar/ Strategi Semasa Untuk Mengurangkan Kesan Negatif COVID-19

- Matlamat utama strategi-strategi ini untuk mempertahankan kegiatan ekonomi supaya terus beroperasi dan mengurangkan masalah pengangguran.
- Antara dana-dana yang disediakan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

PROGRAM SUBSIDI UPAH (PSU) - Setakat 4 Februari 2022

❖ Jumlah peruntukan mengikut siri PSU:

- PSU 1.0 – RM12.957 Bilion
- PSU 2.0 – RM1.406 Bilion
- PSU 3.0 – RM3.691 Bilion
- PSU 4.0 – RM2.270 Bilion
- PSU 5.0 – RM0.015 Bilion

- ❖ Secara keseluruhannya, Kerajaan telah menyalurkan sebanyak **RM20.339 bilion** kepada **357,520 majikan** melalui PSU bagi mengekalkan penggajian **2.95 juta pekerja tempatan** dalam usaha untuk mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan pekerja warganegara Malaysia.

Sumber: Laporan Laksana Ke-85

Insentif Penggajian JaminKerja Keluarga Malaysia terdiri daripada tiga komponen utama seperti berikut:

1. Insentif Penggajian Jamin Kerja

- Agensi terlibat: PERKESO
- Peruntukan: RM2 Bilion
- Sasaran: 300,000 peluang pekerjaan

2. MySTEP*

- Agensi terlibat: Sektor Awam/ GLC
- Peruntukan: RM1.7 Bilion
- Sasaran: 80,000 peluang pekerjaan

3. Latihan & Peningkatan Kemahiran

- Agensi terlibat: Sektor Awam/ GLC
- Peruntukan: RM1.1 Bilion
- Sasaran: 220,000 peluang pekerjaan

Nota: *

MySTEP: *Malaysia-Short Term Employment Programme*

Hala Tuju Pasca COVID-19: Memperkukuhkan Keupayaan Ekonomi dan Penyerapan Buruh

Struktur Ekonomi dan Guna Tenaga

Sektor	Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), %	Peratusan Sumbangan Terhadap KDNK, %	Bilangan Guna Tenaga, '000 Orang & Peratus Sumbangan, %
Pertanian	5.9	7.4	1,866.0 (12.4)
	3.8	7.0	1,984.4 (12.3)
Perlombongan & pengkuarian	-26.8	6.8	74.0 (0.5)
	2.6	6.1	78.0 (0.5)
Pembuatan	-2.5	22.9	2,551.0 (16.9)
	5.7	23.7	2,730.6 (16.9)
Pembinaan	-19.0	4.0	1,399.0 (9.3)
	4.2	3.8	1,423.3 (8.8)
Perkhidmatan	-5.1	57.7	9,206.0 (61.0)
	5.2	58.3	9,934.5 (61.5)

- Data pada tahun 2020 (Sumber: DOSM)
- Sasaran pada tahun 2025 (Sumber: RMKe-12)

Rancangan Malaysia KeDua Belas, RMKe-12

- Matlamat pada tahun 2025:
 - Pertumbuhan KDNK setahun: 4.5% ~ 5.5%
 - Pertumbuhan produktiviti buruh setahun: 3.6%
 - Jumlah guna tenaga: 16.2 juta orang
 - Kadar pengangguran: 4%
 - Pampasan pekerja daripada KDNK: 40%
 - Gaji dan upah penengah bulanan: RM2,900
- RMKe-12 merangkumi strategi-strategi utama yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk merealisasikan negara makmur, inklusif dan mampan berasaskan semangat Keluarga Malaysia.
- Unjuran pertumbuhan sektor-sektor yang cergas mengikuti kadar pertumbuhan dan penyerapan tenaga buruh seperti dalam **Jadual** sebelum ini.
- Antara pemangkin dasar adalah membangunkan bakat masa hadapan dengan menjajarkan semula pasaran buruh bagi memenuhi keperluan industri dan menambah baik lagi kualiti pendidikan termasuk pembelajaran sepanjang hayat.

Hala Tuju Pasca COVID-19: Memperkukuhkan Keupayaan Ekonomi dan Penyerapan Buruh

1. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030): Fokus kepada keperluan dan kesejahteraan hidup bagi golongan berpendapatan rendah.



WKB 2030 adalah kelangsungan dari Wawasan 2020 yang gagal dicapai. WKB 2030 ini merangkumi tiga objektif utama iaitu:

- Pembangunan untuk semua golongan masyarakat yang memerlukan penstrukturan semula ekonomi;
- Menangani jurang kekayaan dan pendapatan untuk menangani ketidaksamaan pendapatan; dan
- Untuk mencapai negara bersatu, makmur dan bermaruah untuk membina negara.


Beberapa teras penting telah dikenal pasti dalam WKB 2030 iaitu:

- Pelaburan dalam subsektor jentera dan peralatan adalah 2/5 daripada jumlah pelaburan.
- Sumbangan subsektor berteknologi tinggi ditingkatkan dalam sektor pembuatan hingga 50%.
- Kualiti modal insan yang tinggi.
- Pasaran buruh dan pendapatan pekerja yang bersesuaian dengan kemajuan negara, termasuk gaji minimum yang setaraf mengikut keperluan pekerja di peringkat tidak berkemahiran.
- Untuk memperkukuhkan integriti dan modal sosial.

2. Fokus kepada pelaksanaan dan bukan sahaja perancangan, terutamanya untuk mencapai kecemerlangan sistem pendidikan di semua peringkat. Penekanan perlu diberi kepada kemudahan perumahan yang mampu milik; kemudahan kesihatan yang lebih baik; dan kemudahan utiliti seperti bekalan air dan elektrik; serta jaringan keselamatan yang teratur.

Hala Tuju Pasca COVID-19: Memperkukuhkan Keupayaan Ekonomi dan Penyerapan Buruh

3. Isu pampasan kepada pekerja:



Rajah 3: Peratusan Pampasan Pekerja daripada KDNK, 2010 - 2020

Sumber: Laporan Keluaran Dalam Negeri Kasar Kaedah Pendapatan, Malaysia, 2020, DOSM

- **Pampasan pekerja** merangkumi saraan dalam bentuk wang tunai atau bukan tunai, yang perlu dibayar oleh sesebuah perusahaan kepada pekerja sebagai balasan bagi kerja-kerja yang telah dilakukan dalam tempoh perakaunan.
- Peratusan pampasan pekerja daripada KDNK di Malaysia masih kecil, iaitu 35.9% berbanding Korea Selatan sebanyak 46.8% dan Singapura 40.2% pada tahun 2019 (Sumber: RMKe-12).

Peratusan Pampasan Pekerja daripada KDNK

Meningkat dengan kadar yang perlahan

2020 : 37.2 %
2019 : 35.9 %
2018 : 35.8 %




Sasaran Peratusan Pampasan Pekerja daripada KDNK

- Laporan RMKe-11: Sasaran 40% pada tahun 2020 (tidak dicapai)
- Laporan Kajian Separuh Penggal RMKe-11: Sasaran dipinda daripada 40% kepada 38% pada tahun 2020 (hampir mencapai sasaran pada tahun 2020)
- Laporan RMKe-12: 40.0% (Sasaran tahun 2025)
- Laporan WKB 2030: 48.0% (Sasaran tahun 2030)

Hala Tuju Pasca COVID-19: Memperkukuhkan Keupayaan Ekonomi dan Penyerapan Buruh


4. Isu pengangguran graduan:

Pada tahun 2020, KPS meningkat kepada 4.4 peratus ('000)



Rajah 4: Pengangguran Siswazah, 2019 - 2020

Sumber: Laporan Statistik Siswazah 2020, DOSM



Rajah 5: Siswazah Bekerja Mengikut Sektor, 2020

Sumber: Laporan Statistik Siswazah 2020, DOSM

- Isu pengangguran graduan bukan fenomena yang baru, tetapi lebih ketara dan terjejas di kalangan graduan IPT semasa COVID-19.
- Pada tahun 2020, sebanyak 68.8% graduan diserap mengikut kelayakan akademik. Sebanyak 28.9% lagi diserap di peringkat kemahiran pertengahan dan yang lainnya melibatkan terkurang kerja berkaitan kemahiran (*underemployment*).
- Isu pengangguran graduan disebabkan kekurangan permintaan kerja di peringkat kemahiran yang tinggi. Struktur industri negara masih lagi bergantung kepada perusahaan-perusahaan bersaiz sederhana, kecil dan mikro yang mana produktiviti adalah rendah dan juga pelaburan dari segi inovasi dan teknologi di peringkat yang rendah.
- Peranan Kerajaan:
 - i. Meningkatkan pelaburan dalam teknologi tinggi;
 - ii. Menarik pelaburan berkualiti tinggi;
 - iii. Mencipta pekerjaan yang berkualiti; dan
 - iv. Melahirkan lebih ramai pekerja berpendidikan dan mahir atau K-Worker.

Kesimpulan

Fokus pembangunan ekonomi dari sudut kepentingan semua golongan masyarakat dan pemantapan kualiti modal insan

- Jika matlamat pembangunan ekonomi hendak mengutamakan kesejahteraan semua golongan masyarakat, fokus diberikan kepada golongan B40 dan juga kelangsungan kegiatan ekonomi dalam pelbagai sektor di mana kadar pertumbuhan adalah cergas.
- Strategi-strategi perlu mementingkan keperluan golongan tersebut; memberi fokus kepada pendidikan dari sekolah hingga pendidikan tinggi; kemudahan perumahan; kesihatan; dan juga jaringan keselamatan.
- Fokus juga perlu diberi kepada ketahanan ekonomi dalam jangka panjang dan ini meliputi pelaburan infrastruktur dan utiliti; sistem pengangkutan, sistem pendidikan yang cemerlang; dan pembangunan wilayah untuk merapatkan jurang ekonomi antara negeri.
- Jentera pelaksanaan mesti berlandaskan kepada sistem governan yang teratur/ cekap serta mementingkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan.



